

AL-HIKMAH

Jilid	11	ISSN 1985-6822	2019
No.	2		1441

- PROGRAM DAKWAH DALAM MEMANTAPKAN AKIDAH REMAJA OLEH INSTITUT PEMANTAPAN DAN PERKADERAN AKIDAH MALAYSIA (IPHAM)....3-19
Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar
- KEPENTINGAN ASPEK PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT ORANG ASLI.....20-36
Ismail Naim Abdullah, Abdul Ghafar Don
- SENARIO PENDIDIKAN ISLAM DAN HALA TUJUNYA DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA.....37-53
Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Salasih Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Hasanah Abd. Khafidz, Muhamad Faisal Ashaari
- PERSEDIAAN KUALITI DIRI SISWA GURU PENDIDIKAN ISLAM MELALUI KONSEP 5 MIM DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF DI SEKOLAH.....54-67
Norliza Nor Hashim, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Ahmad Irdha Mokhtar.
- PENDEKATAN DAKWAH JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS) TERHADAP BANDUAN DI PENJARA SANDAKAN....68-87
Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie
- TAHAP KEPUASAN MUALLAF TERHADAP PENGURUSAN KELAS BIMBINGAN AGAMA ISLAM KELANTAN (MAIK).....88-98
Yasmoon Mohamed, Razaleigh Muhamat @ Kawangit

Tahap Kepuasan Mualaf Terhadap Pengurusan Kelas Bimbingan Agama oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)

The Level of Satisfactions Among Muslim Converts Towards Religious Classes in Kota Bharu District by Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)

YASMOON MOHAMED
RAZALEIGH MUHAMAT@KAWANGIT

ABSTRAK

Kelas bimbingan agama merupakan satu keperluan yang sangat penting kepada golongan mualaf. Bimbingan agama yang tersusun dan sistematik akan dapat membantu golongan mualaf mengenali Islam yang sebenarnya seterusnya memudahkan mereka untuk melaksanakan ibadah dengan betul. Namun, masih terdapat dari kalangan mualaf yang telah lama memeluk Islam tetapi tidak dapat menunaikan solat dengan sempurna. Ada juga di kalangan mereka yang mudah goyah dan terjerumus ke dalam gejala murtad. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan mualaf terhadap kelas bimbingan agama yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (*survey research*) melalui instrumen soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada 120 orang responden dari kalangan mualaf berdasarkan pensampelan mudah. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) bagi mendapatkan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan mualaf terhadap kelas bimbingan agama ini mendapat nilai min yang sederhana iaitu nilai min=3.40 dengan sisihan piawai = 0.982. Justeru itu, terdapat beberapa ruang yang memerlukan penambahbaikan atau pertimbangan MAIK, antaranya ialah mengkaji semula kekerapan kelas yang diadakan. Selain itu, faktor perbezaan umur, tempoh pengislaman, tahap pendidikan, dan latar belakang bahasa ibunda juga wajar diteliti dalam mengatur kelas agar lebih berkesan dan membuahkan hasil.

Kata Kunci : *Bimbingan, Mualaf, Kelantan, Kepuasan*

ABSTRACT

Religious guidance is very important for mualaf. A well-organized and systematic guidance will help them to know more and better understanding of Islam so that they can perform the ibādah properly. However, some of them who have been

embracing Islam for a long time, still not able to perform their prayers properly. There are also those who are not strong in faith and fall into apostasy. This research is conducted to evaluate the level of satisfactions among mualaf towards religious classes conducted by Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). The quantitative method is applied using survey research by distributing questionnaires to 120 respondents among the mualaf who attended the class. The data were analyzed descriptively using SPSS software. The findings show that the level of mualaf's satisfaction is at a good level in overall with a mean value of 3.40, with standard deviation of 0.982. Therefore, there are several areas that require improvement or consideration from MAIK such as reviewing the frequency of classes held. In addition, it seems that age difference, period of conversion, level of education, and background of the mother tongue should also be considered in restructuring the class to be more effective and productive.

Keywords : *Guidance, Class, Mualaf, Kelantan, Satisfaction*

PENGENALAN

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan bagi mencerminkan maksud mualaf, antaranya ialah Saudara Baru, Saudara Kita, dan Saudara Muslim. Perkataan mualaf adalah bersumberkan dari ayat 60, surah al-Taubah (9) yang maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang Mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Istilah *al-Mualaf Qulūbuhum* diertikan di dalam Kamus *al-Mawrid* sebagai golongan yang telah dijinakkan hati mereka (Baalbaki 1996). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010: 1046), mualaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru. Secara ringkasnya, perkataan mualaf didefinisikan sebagai orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru yang dijinakkan hatinya untuk memeluk Islam.

Golongan Mualaf menghadapi pelbagai cabaran dan dilema apabila masih baru memeluk Islam. Mereka memerlukan panduan dan pertolongan untuk mengubah cara hidup yang jauh berbeza. Kajian Muhammad Yusuf

Marlon et al. (2017) mendapati, walaupun mualaf terdiri dari kalangan mukalaf dan telah memeluk agama Islam lebih 5 tahun, namun mereka masih tidak mampu memahami Islam secara keseluruhannya. Oleh itu, pihak berwajib mestilah memastikan kelas bimbingan agama yang dibuat dalam kalangan saudara baru ini dilaksanakan selaras dengan keperluan dan memberi impak kepada mereka.

Selain itu, banyak kajian lepas yang menyatakan kebimbangan berlaku kes murtad di kalangan mualaf disebabkan pelbagai faktor seperti tekanan yang dihadapi (Nurul Afifah & Siti Aisyah 2015), program bantuan yang tidak terurus (Azman, A.R. et al. 2015; Aidit Ghazali & Zulkifli Abd Hamid 2013), dan kurang pengetahuan dan amalan ajaran Islam (Nurul Afifah & Siti Aisyah 2015; Siti Fathimatul Zahrah & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan 2015), bahkan lebih 50% kes murtad adalah berpunca dari perceraian yang menyebabkan hilang bimbingan dan panduan.

Berdasarkan isu-isu dan dapatan di atas, pengkaji merasakan perlu dibuat satu kajian bagi mengukur sejauhmana kelas bimbingan yang dilaksanakan oleh majlis agama menepati kehendak dan keperluan golongan ini. Sebagai badan induk agama negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah menyediakan Kelas Mingguan Fardhu Ain Saudara Baru kepada golongan mualaf bagi membimbing mereka yang masih baru dengan Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Banyak kajian lepas yang mendapati bahawa golongan mualaf merupakan golongan yang sangat memerlukan bimbingan. Penghijrahan mereka kepada Islam merupakan satu perubahan hidup yang besar kerana mereka terpaksa bermula dari awal, dalam masa yang sama terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Menurut kajian Nur Ira Hazirah binti Ab Halim (2017), mualaf akan lebih menumpukan perhatian kepada pengajian dan pembelajaran tentang Islam dalam tempoh awal kemasukan Islam kerana mereka masih terpacu mencari kebenaran yang sebenar. Bahkan, ada di kalangan mualaf yang masih tidak mampu membaca surah al-Fatihah walaupun telah memeluk Islam selama lima tahun (Siti Fathimatul Zahrah & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan 2015). Ini bermakna, pengurusan kelas bimbingan agama yang tersusun dan sistematik amat perlu bagi membantu golongan mualaf memperteguhkan akidah mereka dan melaksanakan ibadah dengan sempurna.

Oleh yang demikian, kajian ini dibuat bagi menilai dan mengkaji tahap kepuasan mualaf terhadap pengurusan kelas bimbingan agama yang

dianjurkan oleh MAIK. Ia bertujuan mendapatkan maklum balas daripada mualaf sejauhmana penerimaan mereka terhadap kelas yang mereka ikuti. Menurut Richard F. Gerson (2004), kepuasan pelanggan adalah merujuk kepada persepsi pelanggan bahawa harapannya telah dipenuhi. Salah satu kaedah yang boleh digunapakai ialah melalui kajian kepuasan pelanggan yang merupakan pemboleh ubah yang penting dalam pelbagai bidang sama ada berkaitan produk atau perkhidmatan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menganggap mualaf sebagai pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan daripada MAIK.

Sehubungan itu, fokus utama kajian ini dilakukan dengan memodelkan hubungan di antara kepuasan mualaf terhadap pengurusan dakwah mualaf yang dilaksanakan oleh pihak MAIK berdasarkan kepada perkhidmatan yang disediakan iaitu kelas bimbingan agama.

METODE KAJIAN

Metode penyelidikan adalah merujuk kepada perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan mampu menghasilkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Siti Adibah & Siti Zubaidah 2018). Ia merupakan satu elemen yang sangat penting dalam memastikan kajian yang ingin dibuat mengikut landasan yang betul.

Bagi kajian ini, pengkaji memutuskan untuk menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengukur tahap kepuasan mualaf terhadap pengurusan Kelas Bimbingan Agama oleh MAIK. Reka bentuk yang dipilih adalah menggunakan kajian tinjauan (*survey research*) yang akan menggunakan instrumen soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada 120 orang responden dari kalangan mualaf yang mengikuti Kelas Mingguan Fardhu Ain Saudara Baru jajahan Kota Bharu. Responden diambil dari kalangan peserta yang aktif menghadiri kelas kerana mereka berada di dalam kelompok yang sama dan mempunyai pengalaman yang hampir sama. Data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) bagi mendapatkan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih Model Carter untuk digunakan sebagai landasan teori agar kajian ini terarah dan jelas. Model CARTER diperkenalkan oleh Othman and Owen (2001) berasaskan Metod SERVQUAL yang telah dikembangkan bersesuaian dengan syariah Islam (Anitha Rosland 2016). Ia merupakan suatu pengukuran kualiti perkhidmatan perbankan syariah dengan 6 dimensi iaitu: *compliance* (prinsip & hukum Islam), *assurance* (jaminan), *reliability* (kebolehpercayaan), *tangible* (bukti fizikal), *empathy* (empati), dan

responsiveness (responsif). Dimensi-dimensi ini menjadi asas pembinaan item dalam soal selidik ini.

Tahap kepuasan mualaf diukur berdasarkan nilai skor min bagi skala *Likert* yang diperolehi daripada jawapan setiap responden bagi setiap item. Skala *Likert* yang digunapakai ialah sangat tidak memuaskan (1) sehingga sangat memuaskan (5). Nilai skor min yang diperolehi kemudiannya dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi berdasarkan interpretasi yang diubahsuai daripada interpretasi Oxford (1990). Ia menjelaskan bahawa skor min yang berada di antara 1.0 hingga 2.49 dianggap rendah, 2.5 hingga 3.49 pula dianggap sederhana, manakala skor min di antara 3.5 hingga 5.0 dianggap tinggi.

Jadual 1 Interpretasi Oxford (1990)

Tahap	Min Skor
Rendah	1.0 hingga 2.49
Sederhana	2.5 hingga 3.49
Tinggi	3.5 hingga 5.0

DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min dijalankan bagi mengenal pasti tahap kepuasan mualaf terhadap pengurusan kelas bimbingan agama oleh MAIK. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 2 berikut.

Jadual 2 Tahap Kepuasan Mualaf Terhadap Pengurusan Kelas Bimbingan Agama

No.	Perkara	Peratus					Min	Sisihan Piawai
		STM	TM	N	M	SM		
1	Saya sangat berminat menghadiri kelas ini	0.8	0	1.7	27.5	70.0	4.66	0.601
2	Saya ingin belajar al-Quran sahaja	15.0	31.7	5.0	15.8	32.5	3.19	1.536
3	Saya tidak suka apabila guru sering mengulangi perkara yang sama di dalam kelas	9.2	24.2	17.5	35.0	14.2	3.21	1.222

4	Saya faham bahasa yang digunakan oleh guru	0	2.5	5.8	36.7	55.0	4.44	0.719
5	MAIK menyediakan kemudahan kelas pembelajaran yang baik dan selesa	0.8	2.5	11.7	38.3	46.7	4.28	0.830
6	Masa dan tempoh kelas yang diadakan sudah mencukupi	0.8	8.3	11.7	42.5	36.7	4.06	0.946
7	Saya rasa memadai kelas ini diadakan 1 kali seminggu	15.8	30.8	18.3	17.5	17.5	2.90	1.350
8	Kelas ini dapat menguatkan pegangan saya untuk kekal dalam Islam	0	0.8	6.7	44.2	48.3	4.40	0.653
Min Purata							3.40	0.982

Sumber: Soal selidik (2019)

Jadual 2 menunjukkan taburan peratusan tahap kepuasan muafaf terhadap pengurusan kelas bimbingan agama. Kesemua item 1 hingga 8 menunjukkan peratusan yang tinggi dalam pilihan jawapan memuaskan atau sangat memuaskan melainkan item 2, 3, dan 7.

Responden menjawab sangat memuaskan sebanyak 70% bagi item 1 (Saya sangat berminat menghadiri kelas ini), 55% bagi item 4 (Saya faham bahasa yang digunakan oleh guru), 46.7% bagi item 5 (MAIK menyediakan kemudahan kelas pembelajaran yang baik dan selesa), 48.3% bagi item 8 (Kelas ini dapat menguatkan pegangan saya untuk kekal dalam Islam) dan 42.5% bagi item 6 (Masa dan tempoh kelas yang diadakan sudah mencukupi). Manakala item yang mencatatkan tahap kepuasan yang sederhana adalah item 2 (Saya ingin belajar al-Quran sahaja) dengan catatan 32.5% sangat memuaskan, 17.5% sangat memuaskan bagi item 7 (Saya rasa memadai kelas ini diadakan 1 kali seminggu), dan item 3 (Saya tidak suka apabila guru sering mengulangi perkara yang sama di dalam kelas) memberi nilai peratus yang paling rendah dalam pilihan jawapan sangat memuaskan iaitu sebanyak 14.2%. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan tahap kepuasan muafaf terhadap pengurusan kelas bimbingan agama anjuran MAIK berada pada tahap sederhana dengan catatan nilai skor min yang sederhana iaitu 3.40 dan sisihan piawai = 0.982.

Berdasarkan Jadual 2 di atas, skor min paling tinggi ialah bagi item 1, iaitu responden sangat berminat menghadiri kelas ini dengan catatan min=4.66, dan sisihan piawai=0.601. 97.5% responden yang terlibat,

memilih memuaskan atau sangat memuaskan. Jawapan ini menjadi indikator bahawa majoriti responden berpuashati untuk hadir ke kelas yang diadakan. Secara tidak langsung, ia menjadi asas yang kukuh bagi MAIK meneruskan kelas bimbingan ini.

Manakala, nilai skor yang kedua tertinggi ialah bagi item 4, dengan nilai skor min=4.40, dan sisihan piawai=0.653 iaitu responden faham bahasa yang digunakan oleh guru. Secara purata, sebahagian besar responden, iaitu 91.7% menyatakan memuaskan atau sangat memuaskan. Tiada (0%) responden yang menyatakan sangat tidak memuaskan yang membawa maksud, tidak faham. Ini bermakna, hampir keseluruhan responden memahami bahasa Melayu yang digunakan oleh guru walaupun responden berlatarbelakangkan dari pelbagai bangsa. Pengkaji mengandaikan responden sangat komited untuk saling membantu rakan yang tidak faham bahasa Melayu, bagi membolehkan mereka turut faham apa yang dipelajari. Selain itu, bimbingan seharian oleh mereka yang hampir dengan mualaf tersebut seperti pasangan muslim dan jiran tetangga juga dapat membantu mereka memahami Islam dengan lebih berkesan lagi (Abu Bakar & Ismail 2018).

Aspek ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian Wan Zuhaira Nasrin dan Nur Athiroh Masyaa'il Tan (2018) yang menyatakan bahawa kefasihan dalam bahasa Melayu di kalangan mualaf turut menjejaskan menjejaskan proses pembelajaran agama. Namun, tidak dinafikan, penggunaan bahasa ibunda mualaf adalah lebih berkesan sebagaimana dapatan oleh Siti Adibah dan Siti Zubaidah (2018) yang memetik tulisan Ikhwan Ng (2013: 64), bahawa penyediaan modul atau buku teks dalam bahasa ibunda mualaf juga secara tidak langsung dapat memudahkan lagi mereka menguasai ilmu yang disampaikan.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan lebih 80% responden memilih jawapan memuaskan atau sangat memuaskan bagi item 8, iaitu kelas ini dapat menguatkan pegangan responden untuk kekal dalam Islam. Ini menjadi indikator bahawa kelas bimbingan agama sangat perlu bagi memastikan mualaf kekal sebagai seorang muslim sekali gus mengelakkan mereka daripada terjebak dengan gejala murtad. Banyak kajian lepas yang menyatakan kebimbangan berlaku kes murtad di kalangan mualaf disebabkan pelbagai faktor sebagaimana disebutkan sebelum ini. Ini bermakna, pihak MAIK harus serius dalam memastikan kelas bimbingan ini dapat melahirkan mualaf yang kuat emosi dan teguh akidahnya.

Selain itu, kemudahan kelas pembelajaran yang baik dan selesa juga menjadi indikator kepuasan mualaf terhadap kelas yang dianjurkan. Item ini merujuk kepada item 5 yang mencatatkan nilai skor min yang tinggi iaitu, min=4.28, dengan sisihan piawai=0.830. 85% responden memilih memuaskan dan sangat memuaskan. Hanya 3.3% memilih tidak

memuaskan atau sangat tidak memuaskan. Manakala selebihnya memilih neutral yang boleh ditafsirkan sebagai tidak kisah. Pada pengamatan pengkaji, kelas ini diadakan di dalam masjid, dan ia mempunyai pro dan kontranya. Positifnya, kelas ini dapat menarik muafiq datang ke masjid, namun dari satu sudut, tempat pembelajaran di masjid adalah terbuka dan terdedah kepada gangguan luar. Ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di samping alat bantu mengajar yang terhad (Aqilah Abd Halim 2019).

Salah satu indikator yang penting juga adalah Item 6 (masa dan tempoh kelas yang diadakan sudah mencukupi) turut mencatat peratusan kepuasan yang tinggi dengan catatan 79.2% memilih jawapan memuaskan dan sangat memuaskan bersamaan nilai skor min =4.06, dengan sisihan piawai =0.946. Pengkaji turut berpandangan bahawa tempoh kelas yang bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari adalah sangat bersesuaian bagi tujuan kelas tersebut.

Kelima-lima item yang diuraikan di atas mempunyai nilai skor min yang tinggi, namun nilai skor keseluruhan adalah sederhana iaitu 3.40 dengan sisihan piawai= 0.982. Di sini, pengkaji mendapati nilai skor yang juga sederhana bagi tiga item yang lain mempengaruhi nilai skor min keseluruhan. Nilai skor min terendah ialah bagi item 7, responden menunjukkan ketidakpuasan apabila kelas diadakan sekali seminggu sahaja. Hampir separuh, iaitu 46.6% daripada responden memilih tidak memuaskan atau sangat tidak memuaskan. Ini bermakna, pihak penganjur iaitu MAIK wajar mempertimbangkan maklum balas ini untuk ditambahbaik. Hakikatnya, sesetengah tajuk yang dibincangkan perlu diterangkan dengan lebih mendalam dan jika sebaliknya, boleh menyebabkan muafiq kurang memahami tajuk yang disampaikan (Muhammad Yusuf Marlon et al. 2017).

Seterusnya, dua item yang turut mencatatkan nilai skor min yang sederhana ialah item 2 dan 3, yang lebih berkaitan dengan proses pembelajaran di dalam kelas. Nilai skor min bagi item 2, iaitu responden ingin belajar al-Quran sahaja ialah 3.19 dengan sisihan piawai=1.536. Secara purata, 48.3% responden memilih jawapan memuaskan atau sangat memuaskan, manakala 46.7% responden memilih jawapan tidak memuaskan atau sangat tidak memuaskan. Pengkaji mendapati, keperluan antara responden adalah berbeza-beza kerana ada di kalangan mereka ada yang telah lama mempelajari ilmu fardhu ain dan ingin mempelajari al-Quran sahaja. Responden yang mengikuti kelas bimbingan ini adalah terdiri dari kalangan mereka yang kurang 5 tahun memeluk Islam, dan majoriti adalah melebihi 15 tahun memeluk Islam.

Seterusnya, item 3 ialah responden tidak suka apabila guru sering mengulangi perkara yang sama di dalam kelas. Nilai skor min item ini juga

rendah, iaitu 3.21 dengan sisihan piawai 1.222. Seramai 49.2% daripada responden memilih memuaskan atau sangat memuaskan yang membawa maksud, mereka tidak suka apabila guru mengulangi pengajaran yang sama. Manakala 33.4% menyatakan tidak memuaskan atau sangat tidak memuaskan, berkemungkinan mereka ini terdiri daripada responden yang masih perlukan ilmu. Pengkaji berandaian, maklum balas responden dalam item 2 dan 3 dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti umur, tempoh pengislaman, tahap pendidikan, dan juga latar belakang bahasa yang berbeza.

Berdasarkan kepada analisa secara keseluruhan, pengkaji mendapati, terdapat beberapa ruang yang memerlukan penambahbaikan atau pertimbangan bagi pengurusan kelas bimbingan agama yang dianjurkan oleh pihak MAIK. Antaranya ialah mengkaji semula kekerapan kelas yang diadakan, adakah telah memenuhi keperluan mualaf. Selain itu, faktor perbezaan umur, tempoh pengislaman, tahap pendidikan, dan latar belakang bahasa ibunda juga wajar diteliti semula adakah perlu dibuat pengubahsuaian susunan kelas atau apakah alternatif terbaik bagi membantu mualaf mendapatkan ilmu yang sesuai mengikut keperluan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini menilai dan mengkaji tahap kepuasan mualaf terhadap pengurusan kelas bimbingan agama yang dianjurkan oleh MAIK. Dapatan menunjukkan bahawa tahap kepuasan mualaf terhadap pengurusan kelas bimbingan agama anjuran MAIK berada pada tahap sederhana dengan catatan nilai skor min yang sederhana iaitu 3.40 dan sisihan piawai = 0.982. Berdasarkan dapatan ini, pihak MAIK perlu menilai kembali aspek-aspek yang boleh ditambahbaik terhadap pengurusan kelas bimbingan yang sedang dilaksanakan. Namun, dalam masa yang sama, kajian personaliti atau kualiti peribadi ke atas mualaf juga wajar dilihat bagi mencari titik pertemuan dalam menghasilkan bimbingan yang tepat dan berimpak.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Ahmad Munawwar Ismail & Nor Shahizan Ali. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Munawwar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian*

- Islam*. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aidit Ghazali & Zulkifli Abd Hamid. 2013. *Kajian Berkaitan Kepuasan Responden Terhadap Program Bantuan Kepada Muallaf di Selangor*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013, hlm. 55–66.
- Al-Ba^ʿalbaki, Rohi*. 1996. *Kamus al-Mawrid*. Bayrut: Dar al-^ʿilm lil-Malāyīn.
- Anitha Rosland. 2016. *Kepuasan Pelanggan Terhadap Kualiti Perkhidmatan Perbankan Islam: Kajian Ke Atas Pelanggan Bank-Bank Islam di Kuching, Sarawak*. Tesis Dr.Fal, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Aqilah Abd Halim. 2019. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran fardhu ain dalam kalangan muallaf dewasa di Malis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azman, A.R. et al. 2015. *Skim Bantuan Zakat Asnaf Muallaf: Satu Analisis Kontemporari di Malaysia*. *Jurnal INFAD* 6:167–191.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah et al. 2017. *Penilaian Terhadap Kursus Muallaf di Selangor*. *The Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4 (2): 227–235.
- Nur Ira Hazirah binti Ab Halim. 2017. *Persepsi Saudara Baru Terhadap Pembelajaran Agama Islam di Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA)*. Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Afifah Bt. Musameh & Siti Aisyah Bte Hadi Munir. 2015. *Isu Murtad Dalam Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian di Negeri Selangor*.
https://www.academia.edu/10041784/Isu_Murtad_dalam_Kalangan_Saudara_Baru_1_Kajian_di_Selangor [1 September 2018]
- Richard F.Gerson. 2004. *Mengukur Kepuasan Pelanggan*. Hesty Widningrum, Terj. Jakarta: Victory Jaya Abadi.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. *Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan*. *Journal Al-'Abqari* 16: 133-155.
- Siti Fathimatul Zahrah binti Yusri & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pow. 2015. *Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf: Satu Tinjauan Literatur*. Prosiding Seminar

Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, hlm.1–17.
<http://www.ukm.my/skim>.

Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, & Nur A'thiroh Masyaa'il Abdullah
@ Tan Ai Pow. 2018. *Dakwah Kepada Saudara Baru di Kelantan*.
Fikiran Masyarakat 6(3):106–110.

Yasmoon binti Mohamed
Pelajar Sarjana
Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
yasmoon@e-maik.my

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @Kawangit
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam, UKM
raza@ukm.edu.my